

UPM perkenal Program Pensijilan Sukan



Salbiah (kanan) menyampaikan cenderahati kepada peserta Program Persijilan Sukan di Dewan NCWO sambil diperhatikan Shamala (dua dari kanan).

[FOTO KHAIRUL NAJIB ASARULAH KHAN/BH]

Seremban: Akademi Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM) bekerjasama dengan Pertubuhan Wanita Negeri Sembilan (NSWO) memperkenalkan Program Pensijilan Sukan (PPS) khas bagi golongan ibu bapa.

Pengaruh akademi berkenaan, Prof Madya Dr S Shamala,

berkata program itu bertujuan memberi bimbingan kepada ibu bapa melalui tiga aspek utama iaitu pengurusan, pemakanan dan teknologi sukan, supaya dapat diterapkan di rumah untuk faedah anak-anak.

"Kita membekalkan mereka dengan ilmu mengenai cara sewajarnya untuk membantu

anak menyerlah dalam bidang sukan yang diminati, selain menyeimbangkan pencapaian sukan dan akademik.

"Bagi berkongsi pengalaman, kita membawa ahli panel yang berjaya hasil dorongan ibu bapa mereka termasuk bekas penjaga gol skuad hoki negara, Nasihin Nubli dan

pemenang pingat emas Wushu Sukan SEA, Chai Fong Wei," katanya.

Beliau berkata demikian selepas pelancaran PPS yang disempurnakan oleh Yang Dipertua NSWO, Datin Seri Raja Salbiah Tengku Nujumudin, di sini.

Kurang peka

Seorang peserta, Sarimah Hasan, 51, berkata kebanyakannya ibu bapa kurang peka dengan potensi yang dimiliki anak dalam bidang sukan kerana terlalu mengutamakan pencapaian akademik.

"Anak saya sangat aktif dengan aktiviti kokurikulum termasuk sukan sehingga prestasi akademiknya merosot. Saya yakin dapat membantunya menyeimbangkan pencapaian dengan ilmu daripada program ini," katanya.

Salwezah Mohd Zin, 42, berkata dia tidak menggalakkan anaknya aktif dalam sukan kerana masalah asma, namun kini sedar bahawa sukan adalah terapi terbaik untuk penyakit anaknya itu.

"Program ini juga menyedarkan saya, faktor pemakanan dan pengurusan masa yang baik boleh membantu meningkatkan prestasi anak dalam bidang sukan," kata dia.